

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkd@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

YAB Perdana Menteri dan Isteri ucap Selamat Jalan kepada lebih 400 Jemaah Haji Malaysia Ke Tanah Suci Musim 1438H / 2017M

KELANA JAYA, Isnin, 24 Julai 2017 : YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak dan isteri YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Jemaah Haji Malaysia di Kompleks Haji Kelana Jaya.

Penerbangan terus dari KLIA ke Madinah pada jam 9:30 malam itu menggunakan penerbangan Flynas dan dijangka tiba pada jam 1:30 pagi (waktu Saudi), keesokannya.

Pada majlis tersebut, YAB Perdana Menteri mengingatkan kepada semua jemaah haji untuk sentiasa mematuhi segala peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan sentiasa mengikuti arahan yang diberikan oleh petugas **TH**.

Kesemua Jemaah turut diberikan taklimat akhir sebelum berangkat dengan bas ke KLIA. Para bakal jemaah dinasihatkan agar memberikan tumpuan sepenuhnya dalam mengerjakan ibadat tersebut dengan sempurna agar memperoleh haji yang mabruk.

Pada musim haji tahun ini, sejumlah **112** penerbangan charter disediakan untuk membawa **30,200** bakal jemaah haji ke Tanah Suci menerusi penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan FLYNAS.

Penerbangan terakhir ke Tanah Suci bagi jemaah haji negara adalah pada **26 Ogos 2017**.

Seperti tahun-tahun yang lalu, Kompleks Haji Kelana Jaya merupakan stesen berlepas utama kerana kebanyakan jemaah haji akan berlepas dari sini. **TH** mempunyai lapan (8) stesen berlepas. Tujuh (7) lagi stesen berlepas selain Kelana Jaya adalah Johor Bahru, Pulau Pinang, Alor Setar, Kota Baharu, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu.

Melihat kepada aspek kesihatan, para bakal jemaah haji juga disaran memberi lebih perhatian kepada tahap kesihatan masing-masing memandangkan cuaca yang diramalkan panas seperti tahun terdahulu.

Pihak **TH** juga berkeyakinan dengan tahap keselamatan dan langkah kesiapsiagaan yang diambil oleh Kerajaan Arab Saudi dalam memastikan keselamatan jemaah haji seluruh dunia. Justeru, para jemaah tidak perlu khuatir dan diharap dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada ibadah ketika berada di Tanah Suci.

Majlis mengucapkan selamat jalan tersebut turut dihadiri oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri YBhg. Datin Seri Fatmawati Saidin; TYT Mahmoud Hussen Qattan, Duta Besar Arab Saudi di Malaysia; YB Senator Dato' Asyraf Wajdi bin Dato' Dasuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nurdianawati Irwani binti Abdullah; YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengurus **TH** dan isteri YBhg. Dato' Seri Khadijah Mohd Noor serta YBhg. Datuk Seri Johan bin Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** dan isteri YBhg. Datin Seri Putri Haniza Megat Hassan serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah **TH**.

-TAMAT-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.